

## Presiden Gerakan temui PM jelaskan isu dalaman parti

PULAU PINANG 11 Feb. - Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik akan menemui Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk memberi taklimat berhubung masalah dalaman parti berkenaan termasuk pengaruh wang pihak tertentu untuk menarik beberapa ahli Dewan Undangan Negerinya di Pulau Pinang keluar dari Gerakan.

Kata beliau, Dr. Mahathir selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN) akan diberikan taklimat sejelajelasnya tentang masalah dihadapi Gerakan yang turut mempunyai kaitan dengan 'broker kuasa'.

Bagaimanapun Dr. Lim tidak mengulas lanjut tentang tarikh pertemuan dengan Dr. Mahathir.

Dalam perkembangan yang sama, Dr. Lim berkata, pengaruh wang daripada pihak tertentu digunakan sebagai percubaan untuk membawa beberapa ahli Dewan Undangan Negeri Gerakan keluar dari parti berkenaan.

"Ramai daripada ahli

Dewan Undangan Negeri kita (Gerakan) diberi tawaran cukup lumayan daripada pihak tertentu termasuk tokoh-tokoh berkepentingan," kata beliau kepada pemberita selepas sambutan Tahun Baru Cina anjuran Gerakan Bahagian Jelutong, di Taman Free School, di sini, malam tadi.

Beliau berkata demikian

ketika ditanya tentang pergolakan di dalam Gerakan khususnya selepas dua ahli Dewan Undangan Negerinya, Lim Boo Chang (Datuk Keramat) serta Lim Chien Aun (Bayan Lepas) bertindak keluar dari parti berkenaan dan baru-baru ini menyertai MCA.

Dr. Lim turut menjelaskan, setakat ini Gerakan mengenakan tindakan disiplin termasuk menyingkir dua ahlinya di Pulau Pinang.

"Setakat ini dua ahli disingkirkan tetapi ramai lagi akan dikenakan tindakan disiplin," tambah beliau.

Beliau yang juga Menteri Perusahaan Utama mendakwa, selain ahli parti tersebut, ada di antara 'orang luar' parti yang menjalin hubungan rapat dengan 'broker kuasa' dalam usaha untuk melemahkan Gerakan.

Mengenai Boo Chang dan Chien Aun, Presiden Gerakan itu berkata, terpulanglah kepada MCA untuk mendisiplinkan kedua-duanya.